



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 5 TAHUN 2015**

**SYARAT-SYARAT PENJUALAN TIKET, OPERASI KAUNTER TIKET
DI TERMINAL DAN PERKHIDMATAN BAS EKSPRES DI
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 6 JULAI 2015

SYARAT-SYARAT PENJUALAN TIKET, OPERASI KAUNTER TIKET DI TERMINAL DAN PERKHIDMATAN BAS EKSPRES DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam kelas bas ekspres ("Pengendali Berlesen") berkenaan syarat-syarat penjualan tiket, operasi kaunter tiket di terminal dan perkhidmatan bas ekspres.

2. TANGGUNGJAWAB PENGENDALI BERLESEN

2.1. Penjualan Tiket

- 2.1.1. Tiket hanya boleh dijual oleh Pengendali Berlesen atau/dan Ejen Tiket yang telah dilantik oleh Pengendali Berlesen.
- 2.1.2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan Ejen Tiket yang dilantik berdaftar dengan pihak S.P.A.D.
- 2.1.3. Semua tiket yang dijual di kaunter tiket atau secara di atas talian (*online*), hendaklah bercetak komputer. Tiket bertulis tangan atau tiket manual dilarang dijual sama sekali.
- 2.1.4. Tiket yang dijual hendaklah dicetak dengan maklumat berikut:

- 2.1.4.1. Nama dan logo Pengendali yang mengeluarkan tiket tersebut
 - 2.1.4.2. Tarikh dan masa perjalanan
 - 2.1.4.3. Harga tiket
 - 2.1.4.4. Nombor rujukan tiket
 - 2.1.4.5. Nombor tempat duduk
 - 2.1.4.6. Destinasi
 - 2.1.4.7. Nombor hotline Pengendali
 - 2.1.4.8. *Platform* (jika berkenaan)
 - 2.1.4.9. Nama terminal pelepasan dan terminal ketibaan
 - 2.1.4.10. Nombor pendaftaran kenderaan
- 2.1.5. Harga tiket yang dijual hendaklah berdasarkan tambang yang ditetapkan oleh S.P.A.D.
- 2.1.6. Pengendali Berlesen hendaklah mendaftar laman sesawang bagi penjualan tiket secara atas talian ("*online*") dengan S.P.A.D.
- 2.1.7. Pendaftaran laman sesawang hendaklah dilakukan dengan mengemukakan borang pendaftaran yang boleh didapati secara online di laman sesawang S.P.A.D. (www.spad.gov.my) dan diserahkan kepada S.P.A.D. di alamat Blok

D, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

2.2. Operasi Kaunter Tiket

- 2.2.1. Kaunter tiket yang beroperasi hendaklah dikendalikan oleh Pengendali Berlesen ataupun Ejen Tiket yang dilantik oleh Pengendali Berlesen.
- 2.2.2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan Ejen Tiket mempunyai surat perlantikan asal semasa beroperasi di Kaunter Tiket.
- 2.2.3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan Ejen Tiket dan/atau pekerja hanya beroperasi di dalam kaunter tiket sahaja dan tidak berada atau berlegar-legar di luar / hadapan / sekeliling kaunter atau sekitar kawasan terminal untuk merayu atau mendesak orang awam untuk membeli tiket bas.
- 2.2.4. Ejen Tiket hendaklah memastikan senarai nama syarikat bas yang diwakilinya (senarai yang telah disahkan oleh pengendali terminal) dipaparkan dengan jelas di Kaunter Tiket.
- 2.2.5. Kaunter tiket hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya 30 minit sebelum bas pertama memulakan operasi dan 30 minit selepas bas

terakhir beroperasi seperti di dalam Jadual Perjalanan.

2.3. Perkhidmatan Bas Ekspres

- 2.3.1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan *way bill* sentiasa dibawa di dalam bas ekspres semasa beroperasi dan/atau pada setiap perjalanan/trip. *Way bill* hendaklah bercetak komputer dengan nama Pengendali Berlesen, nombor kenderaan, perjalanan/trip, laluan, masa perjalanan dan ruangan tempat duduk (nombor kerusi) dan jumlah penumpang.
- 2.3.2. Pengendali Berlesen hendaklah menyimpan *way bill* untuk semua bas yang beroperasi (bagi semua perjalanan/trip) bagi tempoh sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh perjalanan/bas beroperasi.
- 2.3.3. Penumpang bas ekspres tidak dibenarkan dipindahkan ke bas yang lain semasa beroperasi dan/atau dalam perjalanan melainkan bas rosak atau berlakunya sebarang situasi kecemasan semasa dalam perjalanan.
- 2.3.4. Tiket yang telah dijual tidak dibenarkan untuk ditukar, dipungut atau diambil semula daripada penumpang tanpa alasan yang munasabah.

- 2.3.5. Sekiranya situasi seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 2.3.3. berlaku, bas ekspres boleh diganti dengan bas yang lain. Bas gantian ini hendaklah bas yang telah dilesenkan di bawah Pengendali Berlesen yang sama dan dari kelas lesen yang sama. Bas ganti hendaklah membawa bersama permit kenderaan bas ekspres yang diganti, *way bill*, jadual perjalanan dan jadual tambang.
- 2.3.6. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi masa perjalanan bas berpandukan jadual perjalanan yang telah diluluskan oleh S.P.A.D.
- 2.3.7. Pengendali Berlesen hendaklah menentukan bahawa bagasi yang dibawa adalah bagi kegunaan dan kemudahan persendirian penumpang dan bukan untuk tujuan perniagaan, perdagangan dan/atau keuntungan. Kenderaan bermotor dan binatang ternakan dilarang untuk dibawa ke dalam bas semasa beroperasi.
- 2.3.8. Ruangan bagasi hendaklah sentiasa terang, bersih, tidak berminyak dan tidak diletakkan barangan lain kecuali bagasi penumpang.
- 2.3.9. Perkhidmatan bas hendaklah bermula dan berakhir di tempat-tempat yang dinyatakan di dalam *way bill* menurut jadual perjalanan yang telah diluluskan oleh S.P.A.D.

2.3.10. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap penumpang yang telah membeli tiket mendapat perkhidmatan bas berdasarkan tiket yang dibeli.

2.4 Tatakelakuan:

2.4.1. Pengendali Berlesen hendaklah bertanggungjawab memastikan kakitangan atau sesiapa sahaja yang dilantik atau diberikuasa semasa perkhidmatan diberikan, menjaga tingkah laku atau perbuatan pada setiap masa.

3. SYARAT TAMBAHAN KEPADA LESEN PENGENDALI

Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam perenggan 2 di atas adalah dijadikan syarat Lesen Pengendali Bas Ekspres berkuatkuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.


4. KETIDAKPATUHAN

Kegagalan mematuhi mana-mana syarat seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling ini boleh dikenakan tindakan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

5. TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mohd', with a horizontal line underneath it.

MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat